

SULIT

45/1

**PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2009
PENDIDIKAN ISLAM**

Kertas 1

Ogos

2 jam

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN MELAKA)**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR 2009

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **satu** soalan daripada **Bahagian A** dan **semua** soalan dalam **Bahagian B**.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku / kertas jawapan.

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

45/1

**[Lihat sebelah
SULIT**

Bahagian A
(20 Markah)

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab satu soalan sahaja.

1. (a) Firman Allah SWT :

• وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ
لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكَبِيرِ وَالضَّرَّاءِ وَالْعَافِينَ عَنِ
النَّاسِ ۗ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٣٤﴾
(سورة آل عمران : 133)

Ayat di atas menyeru umat Islam supaya segera bertaubat.

- (i) تولى سكن فوتوغن اية القرعان يغ مباوا مقصود : "دان سكراله كامو كقد
مندافت كامقونن دري توهن كامو"
[2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** cara bertaubat. [4 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** ganjaran yang akan diterima oleh orang yang
bertaubat. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي يَعْلَى شَدَّادِ بْنِ أَوْسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ (ص) قَالَ : إِنْ اللَّهُ
كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ وَإِذَا دَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا
الدَّبْحَةَ وَلْيُجِدْ أَحَدُكُمْ شَفْرَتَهُ وَلْيُرِخْ ذَيْبِحَتَهُ.
(رواه البخاري ومسلم)

Hadis di atas menyuruh kita supaya berlaku ihsan terhadap binatang.

- (i) Nyatakan **dua** bentuk penganiayaan terhadap binatang. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** implikasi perbuatan tersebut. [4 markah]

Lihat Sebelah
SULIT

- (c) Tulis perkataan yang bergaris mengikut nombor dalam petikan di bawah menggunakan tulisan Jawi.

(i)

Kita hendaklah menyambut tetamu dengan berlapang dada,

(ii)

(iii)

kemudian mempersilakan mereka masuk ke dalam rumah dengan mesra

(iv)

serta menyediakan tempat duduk yang selesa kepada mereka.

[4 markah]

2. (a) Firman Allah SWT :

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ
وَنَشِيرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٦﴾ الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ
رَاجِعُونَ ﴿١٥٥﴾ (سورة البقرة : 155-156)

Ayat di atas menerangkan tentang ujian Allah SWT kepada manusia.
Berdasarkan ayat di atas :

- (i) پاتاكن فغرتين كلمة يغ بركاريس [2 markah]
- (ii) Senaraikan empat ujian Allah SWT selain kematian. [4 markah]
- (iii) Terangkan dua cara anda menghadapi ujian Allah SWT. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ (ص) : كُلُّ سَلَامِي مِنَ النَّاسِ عَلَيْهِ صَدَقَةٌ كُلُّ يَوْمٍ تَطْلُعُ فِيهِ الشَّمْسُ، تَعْدِلُ بَيْنَ الْإِثْنَيْنِ صَدَقَةٌ، وَتُعِينُ الرَّجُلَ فِي دَابَّتِهِ فَتَحْمِلُهُ عَلَيْهَا أَوْ تَرْفَعُ لَهُ عَلَيْهَا مَتَاعَهُ صَدَقَةٌ، وَالْكَلِمَةُ الطَّيِّبَةُ صَدَقَةٌ، وَبِكُلِّ خُطْوَةٍ تَمْشِيهَا إِلَى الصَّلَاةِ صَدَقَةٌ، وَتَمِيْطُ الْأَذَى عَنِ الطَّرِيقِ صَدَقَةٌ.

(رواه البخاري ومسلم)

Hadis di atas menyatakan tentang amalan bersedekah.

- (i) Jelaskan dua adab bersedekah. [2 markah]
- (ii) 'Perkataan yang baik' merupakan salah satu amalan bersedekah. Nyatakan dua contoh 'perkataan yang baik'. [4 markah]

(c) Tuliskan petikan di bawah dengan tulisan jawi.

Apabila umat Islam mengamalkan budaya sayang-menyayangi dalam kehidupan, perpaduan akan wujud manakala perpecahan akan terhindar.

[4 markah]

Bahagian B
(80 Markah)

Jawab semua soalan

3. (a) Islam, Iman dan Ihsan adalah asas aqidah.
- (i) Apakah maksud Islam? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** ciri mukmin sejati. [2 markah]
- (b) (i) Jadual di bawah menunjukkan nama-nama kitab dan rasul-rasul yang menerimanya.
Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.

Nama Kitab	Penerima
X	Nabi Daud
Taurat	Y

[2 markah]

- (ii) Nyatakan **dua** tujuan al-Quran diturunkan kepada umat manusia. [4 markah]
- (iii) Kitab al-Quran adalah mukjizat terulung Nabi Muhammad SAW. Terangkan **dua** bukti al-Quran adalah mukjizat. [4 markah]
- (c) Rasul-rasul Allah SWT diberikan keistimewaan bersifat maksum.
- (i) Apakah maksud maksum. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** hikmat rasul-rasul bersifat maksum. [4 markah]

4. (a) Orang Islam yang berhadass besar wajib menyucikannya dengan mandi wajib.
- (i) Nyatakan **dua** sebab diwajibkan mandi. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** hikmah melakukan mandi wajib. [4 markah]
- (b) Islam memberikan rukhsah boleh berbuka puasa kepada golongan-golongan tertentu.
- (i) Senaraikan **empat** golongan tersebut. [4 markah]
- (ii) Siapakah golongan yang diwajibkan qada puasa dan membayar kafarah? [2 markah]
- (c) Jelaskan **dua** perbezaan antara solat sunat Aidil Fitri dengan solat Jumaat. [4 markah]
- (d) Nyatakan hukum bagi masalah berikut:
- (i) Lokman menunaikan solat Isya' dengan tayammum yang diambil ketika solat Maghrib.
- (ii) Encik Zul melakukan solat maghrib secara qasar dalam perjalanannya dari Melaka ke Perak kerana menziarahi ibunya yang sakit.
- (iii) Aminah melakukan solat tahajjud sebaik sahaja terjaga daripada tidur pada pukul tiga petang.
- (iv) Seorang imam sengaja meninggalkan bacaan doa selepas takbir keempat semasa menunaikan solat jenazah. [4 markah]
5. a. Masyarakat Arab sebelum Islam dikenali sebagai Jahiliah. Nyatakan **dua** akhlak buruk masyarakat Arab Jahiliah. [2 markah]
- b. Pembukaan Kota Mekah berlaku tanpa pertumpahan darah.
- (i) Nyatakan **dua** strategi Rasulullah SAW semasa pembukaan Mekah. [4 markah]
- (ii) Apakah faktor kejayaan Pembukaan Mekah? [2 markah]

- (c) (i) Namakan isteri pertama Rasulullah SAW. [1 markah]
- (ii) Jelaskan sumbangan beliau dalam menjayakan dakwah Rasulullah SAW. [2 markah]
- (iii) Apakah gelaran Saidina Umar Al-Khattab r.a? [1 markah]
- (iv) Nyatakan bukti keberanian Saidina Umar Al-Khattab r.a setelah beliau memeluk Islam. [2 markah]
- (d) (i) Susun semula potongan ayat al-Quran di bawah mengikut tertib seperti dalam al-Quran. Anda dikehendaki menulis nombor potongan ayat sahaja.

وَأَذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ	1
وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ	2
فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ	3

[3 markah]

- (ii) Lengkapkan potongan ayat di bawah dengan pilihan jawapan yang betul daripada jadual yang diberikan. Anda hanya dikehendaki menulis jawapan sahaja mengikut susunan yang betul seperti dalam al-Quran.

1	2	3
سَمِعْنَا	وَالْمُؤْمِنُونَ	وَرُسُلِهِ

ءَامَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ _____ كُلُّ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ لَا تَفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ وَقَالُوا _____ وَأَطَعْنَا غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ ﴿٢٢٥﴾
--

[3 markah]



6. (a) (i) Gambar di atas menunjukkan beberapa orang murid sedang membersihkan kelas.
- Nyatakan **dua** cara menjaga harta sekolah selain daripada amalan dalam gambar di atas. [4 markah]
- (ii) Anda melihat sekumpulan murid sedang menconteng dinding di tandas sekolah.
- Jelaskan **dua** tindakan yang perlu anda lakukan. [4 markah]
- (b) (i) Anda diminta untuk menyampaikan ucapan dalam sebuah majlis di sekolah anda.
- Nyatakan **dua** adab bercakap dalam majlis. [2 markah]
- (i) Jelaskan **dua** akibat tidak beradab ketika bercakap dalam majlis. [4 markah]
- (c) (i) Setiap individu muslim wajib menjaga maruah diri.
- Terangkan **dua** kepentingan menjaga maruah diri. [4 Markah]
- (ii) Remaja kini mudah terjebak dengan gejala sosial.
- Apakah punca berlakunya perkara tersebut. [2 Markah]

KERTAS SOALAN TAMAT